



Anwar mendengar penerangan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud ketika melihat model projek pembangunan selepas merasmikan Majlis Peluncuran Projek Pembangunan Kota MADANI di Presint 19, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Kota MADANI simbol pembangunan bandar berpaksikan rakyat

BERITA HARIAN 27 JUN 2025

m/s: 2

Perancangan ikut nilai kesejahteraan sosial, budaya bukan dipandu pemaju projek

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pembangunan Kota MADANI di sini, tidak harus dilihat projek fizikal berskala besar, sebaliknya menjadi simbol pendekatan baharu yang perlu dicontohi pembangunan bandar di seluruh negara berpaksikan rakyat dan bukan ditentukan pemaju semata-mata, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perancangan bandar seharusnya dipandu nilai budaya, kemanusiaan dan kesejahteraan sosial, bukan lagi didominasi kehendak syarikat pemaju.

“Saya mahu Kota MADANI ini (menjadi) contoh bagi pembangunan bandar di semua kota di negara kita. Saya minta, bagi pembandaran, kerja negeri, lihat apa yang boleh kita lakukan.

“Jangan hanya tunduk kepada pemaju. Kita yang merancang. Jangan projek itu ditentukan oleh syarikat semata-mata kerana kalau mereka tentukan, tentunya diberikan pandangan dan saranan yang hanya melihat kepada keuntungan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pembangunan Kota MADANI, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar menekankan perancangan bandar tidak harus hanya fokus keuntungan, sebaliknya perlu memenuhi keperluan rakyat termasuk penjawat awam.

“Penjawat awam tidak boleh menunggu lima tahun untuk perumahan. Kita mesti mempercepatkan. Kalau sambutan baik dan prosesnya lancar, saya sendiri akan pastikan ia dibawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk disegerakan,” katanya.

Kekuatan budaya, sejarah

Mengulas konsep Kota MADANI, Anwar berkata, pembangunan kota bukan hanya perlu maju dari segi fizikal dan teknologi, sebaliknya sarat dengan nilai budaya dan rohani seperti digagaskan sejarawan Islam, Ibnu Khaldun.

“Kota yang hebat bukan sekadar bangunan pencakar langit, tetapi mesti melambangkan kekuatan budaya dan sejarah. Kota moden yang *culturally barren* (gersang) tidak dapat membina semangat kebersamaan, nilai dan jati diri masyarakat,” katanya.

Beliau menegaskan, perancangan Kota MADANI mengambil kira keselesaan dan keselamatan penduduk, termasuk penyediaan laluan pejalan kaki ke sekolah,

masjid, tadika, dewan komuniti dan gimnasium.

“Bayangkan seorang ibu bapa dengan tiga anak kecil, semuanya boleh ke sekolah atau tadika hanya dengan berjalan kaki dari rumah. Itulah Kota MADANI yang kita bayangkan, selamat, efisien dan penuh nilai kemanusiaan,” katanya.

Projek Kota MADANI RM4 bilion itu akan dibangunkan Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH) menerusi model kerjasama awam-swasta yang berkonsepkan ‘bina-pajak-selenggara-pindah’ tanpa peruntukan kerajaan pada peringkat awal.

Kota MADANI merangkumi 10,000 unit kuarters kediaman berintensiti tinggi yang mampu menampung lebih 30,000 penduduk, sekolah menegah serta pelbagai kemudahan awam.

Pembangunan itu dirangka dengan integrasi teknologi AI, infrastruktur digital pintar dan sistem mobiliti hijau.

Kemudahan lain yang dirancang termasuk institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sekolah, klinik kesihatan, balai bomba, balai polis, masjid, institusi kewangan serta reka bentuk berunsur budaya tempatan bagi mengekalkan warisan seni bina.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengingatkan wakil rakyat tidak hanya turun padang menjelang pilihan raya kerana pendekatan MADANI bukan gimik politik, sebaliknya konsisten memberi perhatian kepada rakyat.